



## PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR NOTIS SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan UPEN serta berpengalaman dalam perkhidmatan dan bekalan berkaitan seperti berikut :-

Bil	No. Sebut harga	Butir-Butir Kenyataan Tawaran Sebut harga	Kelayakan Penyebut harga	Harga
1.	SH/PTGS/03/2020	<b>Sebut harga Membekal dan Menghantar Alat Tulis Bagi Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Untuk Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor</b>	Berdaftar dan membawa sijil asal Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah dan berkuatkuasa di bawah kod bidang <b>020601</b> <b>DAN</b> Surat Pengesahan Pendaftaran Sistem Tender Online Selangor (UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa	<b>RM50.00</b> Tunai/ Bank Deraf

2. Dokumen tawaran ini hanya akan dikeluarkan kepada penyebut harga / wakil yang sah sahaja. Dokumen tawaran boleh diperolehi di bahagian seperti yang tertera dibawah mulai **21 FEBRUARI 2020 (JUMAAT)** hingga **5 MAC 2020 (KHAMIS)** :

**Bahagian Khidmat Pengurusan  
Tingkat 4, Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40576 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

3. Penyebut harga dikehendaki membawa bersama sijil asal dan salinan **Akuan Pendaftaran Syarikat** daripada **Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah dan berkuatkuasa**, **surat pengesahan pendaftaran Sistem Tender Online Selangor (UPEN) yang masih sah dan berkuatkuasa** dan satu salinan tersebut perlu diserahkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor semasa pembelian dokumen sebut harga. Bayaran bagi dokumen sebut harga hendaklah dibuat dalam **tunai Ringgit Malaysia** atau dalam bentuk Bank deraf atas nama **“BENDAHARI NEGERI SELANGOR”**.

4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat :-

**Bahagian Khidmat Pengurusan  
Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor  
Tingkat 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40576 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan**

Tarikh tutup : **5 MAC 2020 (KHAMIS) jam 12.00 tengahari.**

5. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor tidak semestinya menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh: **20 FEBRUARI 2020**

Pengarah **Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor**